

LAPORAN INTERIM

BAGI TEMPOH ENAM BULAN BERAKHIR 30 JUN 2012



سکیم امانه سهام ناسیونل
SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL

ISI KANDUNGAN

NO TAJUK	MUKA SURAT
I Maklumat Tabung	2
II Prestasi Tabung	3
III Laporan Pengurus	5
IV Penyata Pengurus	9
V Penyataan Pemegang Amanah	10
VI Laporan Juruaudit	11
VII Penyata Kewangan	
A. Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	13
B. Penyata Pendapatan Komprehensif	14
C. Penyata Kedudukan Kewangan	15
D. Penyata Perubahan Dalam Ekuiti	16
E. Penyata Aliran Tunai	17
F. Nota-nota Berkenaan Penyata Kewangan	18
VIII Maklumat Korporat	50

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

Para pemegang-pemegang unit ASN yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASN, dengan sukacitanya membentangkan Laporan Interim ASN bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2012.

I. MAKLUMAT TABUNG

a. Kategori dan Jenis Tabung

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
Sekim Amanah Saham Nasional	Ekuiti	Pertumbuhan

b. Objektif Pelaburan Tabung

Objektif pelaburan ASN adalah untuk menjana pulangan yang berpatutan dalam bentuk pengagihan pendapatan dan pertumbuhan modal kepada pemegang-pemegang unit melalui pelaburan dalam kepelbagaian portfolio.

c. Penanda Aras Tabung

ASN menggunakan penanda aras cipta-suai yang menggabungkan Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 ("FBM 100") dan Kadar Faedah Pasaran Wang Antara Bank 3-Bulan ("KLIBOR 3-Bulan") bagi tujuan perbandingan prestasinya, seperti berikut:

Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai	%
FBM 100 ¹	80
KLIBOR 3-Bulan	20

Nota:

1. Penanda Aras menggantikan Indeks Komposit Kuala Lumpur (FBM KLCI) yang berkuatkuasa pada 31 Julai 2009.

d. Polisi Pengagihan Pendapatan Tabung

ASN akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara Pengurus dan kelulusan daripada pemegang amanah.

e. Pegangan Unit

Pada 30 Jun 2012, seramai 1,217,084 individu telah menyertai ASN. Pecahan pegangan unit adalah seperti berikut:

Pecahan Pegangan Unit	Bilangan Pemegang Unit	Bilangan Unit Dilanggan
5,000 ke bawah	1,194,174	194,628,613
5,001 - 10,000	6,922	49,104,310
10,001 - 50,000	10,015	222,339,736
50,001 - 500,000	5,787	839,699,551
500,001 ke atas	186	181,178,726
Jumlah	1,217,084	1,486,950,936

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

II. PRESTASI TABUNG

a) Perumpukan Aset

Komponen Aset Dalam Portfolio	%			
	30/06/2012	31/12/2011	31/12/2010	31/12/2009
Pelaburan di Pasaran Ekuiti	70.64	72.24	69.70	85.65
Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal				
(i) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga	1.08	1.11	1.53	2.16
(ii) Pelaburan Dalam Sekuriti Modal bercantum	4.30	4.40	4.36	4.44
Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	23.98	22.25	24.41	7.75
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00

Perumpukan Aset Mengikut Sektor berdasarkan Nilai Pasaran

Sektor	(RM'000)			
	30/06/2012	31/12/2011	31/12/2010	31/12/2009
Pelaburan disebut harga				
Barangan Pengguna	11,660	37,728	49,140	71,780
Pembinaan	60,678	62,610	55,330	51,871
Barangan Industri	77,482	57,478	40,573	46,175
Hartanah	25,759	46,324	26,634	37,643
Perladangan	86,506	113,992	63,910	26,830
Perkhidmatan/ Perdagangan	324,724	327,361	368,880	364,669
Kewangan	274,474	226,380	205,270	321,649
Infrastruktur	29,200	8,900	42,703	60,890
Teknologi	-	-	-	13,391
REITs	18,387	26,296	19,143	16,869
Waran	706	431	-	366
Pelaburan di Pasaran Ekuiti	909,576	907,500	871,583	1,012,133
Lain-Lain Pelaburan di Pasaran Modal				
1. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut	13,898	13,948	19,163	25,535
2. Pelaburan Dalam Sekuriti Modal Bercantum	55,360	55,270	54,475	52,485
3. Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	308,869	279,524	305,520	91,605
JUMLAH	1,287,703	1,256,242	1,250,741	1,181,758

b) Analisis Nilai Aset Bersih ("NAB") Tabung

Bagi tempoh enam bulan yang pertama, jumlah NAB bagi ASN telah meningkat sebanyak 2.38% kepada RM1.29 bilion berbanding RM1.26 bilion seperti yang dicatat pada 31 Disember 2011. NAB seunit juga telah mencatatkan peningkatan sebanyak 5.65% kepada RM0.8653 daripada RM0.8190 bagi tempoh masa yang sama.

c) Perbandingan Maklumat Kewangan Bagi Tempoh 3 Tahun

	30 Jun, 2012	31 Disember		
		2011	2010	2009
Sebelum Pengagihan Pendapatan				
NAB (RM'000)	-	1,349,043	1,340,618	1,263,279
NAB seunit (RM)	-	0.8795	0.8950	0.8058

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

II. PRESTASI TABUNG (SAMB.)

	30 Jun, 2012	31 Disember		
		2011	2010	2009
Selepas Pengagihan Pendapatan				
NAB (RM'000)	1,287,703	1,256,242	1,250,741	1,181,758
NAB seunit (RM)	0.8653	0.8190	0.8350	0.7538
NAB seunit terendah (RM)	0.8127	0.7703	0.7409	0.5389
NAB seunit tertinggi (RM)	0.8653	0.8841	0.8977	0.7715
Unit Dalam Edaran ('000)	1,488,100	1,533,900	1,497,950	1,567,700
Kadar Pengagihan (sen seunit)	-	6.05	6.00	5.20
Tarikh pengagihan pendapatan	-	1 Jan 2012	1 Jan 2011	1 Jan 2010
Nisbah Perbelanjaan				
Pengurusan (%) ¹	0.80	1.18	1.22	1.36
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali)²				
	0.30	0.44	0.35	0.52
Pulangan:				
- Modal (%) ³	5.65	-1.92	10.77	34.15
- Pendapatan (%) (Yield) ⁴	-	7.39	7.19	6.90
Jumlah Pulangan (%) ⁵	5.65	5.33	18.73	43.41

Nota:

- 1) Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASN dengan purata NAB ASN untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.
- 2) Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB ASN untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.
- 3) Pulangan Modal : $\left[\left\{ \frac{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}}{\text{NAB Seunit Awal Tahun}} \right\} - 1 \right] \times 100$
- 4) Pulangan Pendapatan (Yield) : $\left[\frac{\text{Pengagihan Pendapatan Seunit}}{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}} \right] \times 100$
- 5) Jumlah Pulangan : $\left[\left\{ \left(1 + \frac{\text{Pulangan Modal}}{100} \right) \times \left(1 + \frac{\text{Pulangan Pendapatan}}{100} \right) \right\} - 1 \right] \times 100$

d) Purata Pulangan Tahunan

Purata pulangan tahunan bagi ASN adalah seperti berikut:

	Pada 30 Jun, 2012		
	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun
Jumlah Purata Pulangan (%)	5.61	16.17	6.89
Penanda Aras (%)	1.77	12.88	4.00

Nota:

- 1) Pengiraan pulangan tahunan (annualized return) adalah seperti berikut:-

$$\left[\left\{ (1+r_1)(1+r_2) \dots (1+r_n) \right\}^{1/n} - 1 \right] \times 100$$

dimana, r = pulangan tahunan, n = pulangan tahun


LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

III. LAPORAN PENGURUS

a) Perbandingan Prestasi Pulangan Tahunan Tabung ASN dengan Penanda Aras

Prestasi pulangan bagi ASN berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:-

	30 Jun, 2012	31 Disember				
		2011	2010	2009	2008	2007
Jumlah Pulangan (%)	5.65	5.33	18.73	43.41	-34.04	28.03
Penanda Aras (%)	3.66	2.35	17.80	37.80	-33.58	27.09



Nota: Lakaran graf bagi tabung ASN adalah diselaraskan dengan tahun permulaan bagi FBM100.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan, jika dibayar, mungkin turun atau naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

b) Polisi Pelaburan

Polisi pelaburan ASN adalah melabur dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan terutamanya sekuriti, saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sekuriti yang tidak disenaraikan, instrument berpendapatan tetap dan pasaran wang serta lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang dibenarkan dalam Suratikatan ASN. Walau bagaimanapun, ASN boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran.

c) Strategi Pelaburan

Bagi enam bulan berakhir 30 Jun, 2012, pengurus tabung ASN telah melaksanakan perumpukan aset yang strategik di antara ekuiti dan sekuriti berpendapatan tetap dengan tumpuan pelaburan yang lebih diberikan kepada ekuiti bersesuaian dengan perkembangan ekonomi serta keadaan semasa pasaran saham tempatan. Pengurus tabung sentiasa memastikan bahawa aset-aset dilaburkan di dalam portfolio yang dipelbagaikan dengan tujuan untuk mengurangkan risiko portfolio pelaburan disamping menjana pulangan yang munasabah kepada tabung.

Penekanan strategi pelaburan di dalam ekuiti telah diberikan kepada sektor-sektor yang mempunyai potensi pertumbuhan yang baik berdasarkan prospek ekonomi supaya dapat menjana pulangan jangka masa panjang kepada para pelabur. Bagi sepanjang enam bulan berakhir 30 Jun, 2012, antara sektor-sektor yang diberi tumpuan adalah perdagangan dan

III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

c) Strategi Pelaburan (Samb.)

perkhidmatan, kewangan serta perladangan.

Untuk pilihan saham-saham, pengurusan pelaburan ASN telah meningkatkan pelaburan kepada saham-saham yang dijangkakan akan memberi pulangan dividen yang lebih tinggi dan konsisten, mempunyai fundamental yang kukuh, prospek perniagaan yang baik serta diniagakan di bawah harga wajar.

Pelaburan di dalam sekuriti berpendapatan tetap pula dibuat dengan mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan kupon yang sesuai dengan objektif tabung serta penarafan kredit tidak kurang daripada taraf 'A' yang diberikan oleh RAM Rating Services Berhad (RAM Ratings) atau setaraf dengannya yang diberikan agensi penarafan di Malaysia.

d) Ulasan Pasaran

Tinjauan Pasaran Modal

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun, 2012, penanda aras utama Bursa Malaysia iaitu Financial Times Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBM KLCI) telah mencatatkan peningkatan sebanyak 68.42 mata atau 4.47% untuk ditutup pada 1,599.15 mata pada 29 Jun, 2012, berbanding 1,530.73 mata yang dicatatkan pada 30 Disember, 2011. Bagi tempoh yang sama, KLCI telah mencatat paras tertinggi 1,606.63 mata pada 3 April, 2012, manakala paras terendah 1,504.22 mata dicatatkan pada 4 Januari, 2012. Secara keseluruhannya, prestasi pasaran saham di sepanjang tempoh tinjauan adalah positif didorong oleh pertumbuhan ekonomi Malaysia yang stabil akibat permintaan domestik yang kekal berdaya saing.

Ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.7% dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh walaupun sektor eksport adalah lebih perlahan berikutan persekitaran ekonomi dunia yang lembap. Permintaan domestik kekal berdaya tahan pada suku pertama tahun ini, disokong khususnya oleh peningkatan pendapatan berterusan dan keadaan pasaran pekerjaan yang stabil serta dikukuhkan lagi oleh harga komoditi yang tinggi.

Prestasi FBM KLCI bermula dengan positif apabila ia mencatatkan peningkatan pada awal tempoh tinjauan untuk mencapai paras tertinggi 1,606.63 mata pada 3 April, 2012, didorong oleh minat pelabur asing terhadap saham-saham mewah. Perbandingan faktor ekonomi, di mana negara-negara membangun telah menunjukkan peningkatan yang lebih pesat berbanding negara-negara maju, telah membantu menaikkan sentimen pelabur dan dijadikan asas bagi aliran masuk portfolio pelaburan asing yang besar ke dalam pasaran saham tempatan dan benua Asia, dan seterusnya menyumbang kepada kecairan pasaran yang mencukupi. Namun begitu, prestasi pasaran saham mula merosot

III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

d) Ulasan Pasaran (Samb.)

Tinjauan Pasaran Modal (Samb.)

pada penghujung April 2012, disebabkan oleh faktor-faktor global seperti pertumbuhan ekonomi negara-negara maju serta China yang kurang memberangsangkan dan bebanan masalah hutang berlarutan yang melanda negara-negara Eropah. Walau bagaimanapun, prestasi pasaran saham terus menunjukkan tanda-tanda positif disebalik ketidaktentuan ekonomi global sehingga meningkat kembali di penghujung tempoh tinjauan dan ditutup pada paras 1,599.15 mata pada 29 Jun, 2012.

Pasaran modal tempatan disokong teguh oleh pertumbuhan permintaan dalam negara dan pertambahan perbelanjaan sektor awam dan swasta. Secara kasar, prestasi positif FBM KLCI, dipacu oleh kenaikan saham-saham defensif serta yang menawarkan kadar dividen yang tinggi seperti UMW Holdings Berhad (+30.43%), Petronas Dagangan Berhad (+18.54%), Petronas Gas Berhad (+18.42%) dan Maxis Berhad (+16.61%). Saham-saham syarikat lain yang turut membantu lonjakan pasaran adalah YTL Corporation Berhad (+45.59%), Tenaga Nasional Berhad (+14.24%), Hong Leong Bank Berhad (+14.13%) dan Telekom Malaysia Berhad (+13.91%).

Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada tahap 3.0% dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) pada 11 Mei, 2012. Keputusan yang dibuat BNM adalah berikutan peningkatan risiko pertumbuhan ekonomi global dan domestik serta bagi membendung inflasi tetapi pada masa yang sama, kekal pada tahap yang mampu menyokong pertumbuhan ekonomi negara (Sumber: BNM).

Prospek Ekonomi dan Pasaran Modal

Pada keseluruhannya, prospek ekonomi global dijangka akan lebih mencabar dan semakin tidak menentu pada tahun kewangan 2012. Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) telah menetapkan pertumbuhan ekonomi dunia kepada 3.50% bagi tahun 2012, unjuran pertumbuhan yang lebih rendah berbanding 3.90% bagi tahun 2011. Ini berikutan ekonomi utama seperti Amerika Syarikat (2.0%), Kesatuan Eropah (-0.3%), China (8.0%) dan India (6.1%) dijangka mengalami pertumbuhan yang lebih lembap akibat krisis hutang berterusan di negara Eropah, risiko perdagangan dunia yang lebih sederhana serta keadaan pasaran pekerja yang lemah (Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, Julai 2012).

Tambahan pula, kebimbangan terhadap kedudukan fiskal ekonomi negara-negara maju ini menambahkan lagi tekanan ke atas sistem kewangan antarabangsa dan berkemungkinan besar akan memberi impak secara langsung ke atas

III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

d) Ulasan Pasaran (Samb.)

Prospek Ekonomi dan Pasaran Modal (Samb.)

perkembangan ekonomi Malaysia dan serantau. Justeru, pasaran modal tempatan juga dijangka akan terjejas akibat sentimen negatif ekonomi luar. Inflasi dijangka berada pada tahap sederhana sehingga akhir tahun ini. Permintaan dalam negeri yang kukuh dijangka tidak akan mewujudkan keadaan inflasi kerana terdapatnya kapasiti berlebihan dalam ekonomi negara. Harga tenaga dan komoditi dunia dijangka terkawal berikutan keadaan ekonomi global yang perlahan.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia sebahagian besarnya adalah dipacu oleh perbelanjaan domestik di mana perbelanjaan sektor swasta dijangka akan terus meningkat dan di sokong pula oleh perbelanjaan sektor awam. Aktiviti-aktiviti domestik seperti perbelanjaan isi rumah, pelaksanaan Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) untuk menggalakkan penggunaan dan pelaburan swasta serta inisiatif pembaharuan kerajaan akan secara tidak langsung membantu pertumbuhan sektor-sektor seperti kewangan, pembinaan serta gas dan minyak yang dijangka dapat mengimbangi sentimen-sentimen negatif dari luar. Melangkah ke hadapan, ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang pada 4.0 hingga 5.0% bagi tahun 2012 berbanding 5.1% pada tahun 2011 (Sumber: Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2011). Pasaran Malaysia yang secara relatifnya lebih defensif turut membantu sentimen pelabur dan dijadikan asas bagi aliran masuk wang pelaburan asing.

Walau bagaimanapun, potensi bagi pasaran tempatan untuk terus meningkat dan menguji paras tertinggi dalam tempoh kewangan ASN masih bergantung kepada asas ekonomi tempatan serta perkembangan proses pemulihan ekonomi global.

e) Pengagihan Pendapatan

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2012, ASN belum lagi mengisytiharkan pengagihan pendapatan.

f) Perubahan Yang Ketara Terhadap Kedudukan Tabung Dalam Tempoh Kewangan

Tiada sebarang perubahan yang ketara sepanjang tempoh kewangan enam bulan berakhir 30 Jun, 2012.

g) Situasi yang Boleh Menjejaskan Kepentingan Pemegang Unit

ASNB dan ASN tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

h) Komisyen Ringan

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisyen ringan daripada broker dan/atau wakil urus niaga berhubung dengan urus niaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit
SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2012, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Laporan Kewangan MFRS 134 Interim di Malaysia dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 Jun 2012, dan keputusan serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 15 Ogos 2012.

**TUN AHMAD SARJI
BIN ABDUL HAMID**
Pengerusi

**TAN SRI DATO' SRI HAMAD KAMA PIAH
BIN CHE OTHMAN**
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

Penyataan Pemegang Amanah

Bagi Tempoh Kewangan Enam Bulan Berakhir 30 Jun 2012

Kepada Pemegang-Pemegang Unit
SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL

Kami, AmanahRaya Trustees Berhad telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir 30 Jun 2012. Pada pendapat kami, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus telah mengurus SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah mengikut Suratikatan, lain-lain peruntukan Suratikatan, Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2012.

Kami juga berpendapat bahawa:

- (a) prosedur dan proses yang digunakan oleh Pengurus untuk menilai dan/atau menentukan harga unit SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL adalah mencukupi dan penilaian/ penentuan harga adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan; dan
- (b) penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan, Garispanduan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Yang benar,
AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

HABSAH BINTI BAKAR
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
14 Ogos 2012

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG- PEMEGANG UNIT SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL ("Unit Amanah")

Laporan penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Sekim Amanah Saham Nasional, yang mengandungi Penyata Posisi Kewangan pada 30 Jun 2012, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih Boleh Agih kepada Pemegang-pemegang Unit dan Penyata Aliran Tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 13 hingga 44.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap laporan kewangan

Pengurus adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan berdasarkan Laporan Kewangan MFRS 134 Interim Financial Reporting dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: penyediaan, pelaksanaan dan mengekalkan kawalan dalaman berkaitan penyediaan, pelaksanaan dan mengekalkan kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah; memilih dan melaksanakan polisi perakaunan yang bersesuaian; dan membuat anggaran perakaunan yang bersesuaian berdasarkan situasi semasa. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan tersebut, berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit menurut Piawaian Pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan ini bebas dari kesilapan yang material.

Audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih adalah berdasarkan kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian keatas risiko kesilapan yang material pada penyata kewangan; sama ada disebabkan oleh pecah amanah atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko terbabit, kami mengambil kira kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan dan persembahan yang saksama Unit Amanah, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah. Audit juga termasuk menilai prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Pengurus Unit Amanah, di samping menilai gambaran keseluruhan yang diberikan oleh penyata kewangan.

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG- PEMEGANG UNIT SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL ("Unit Amanah") (SAMB.)

Kami percaya bahawa audit kami telah memberikan asas yang munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Laporan Kewangan MFRS 134 Interim di Malaysia dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 Jun 2012 dan prestasi kewangannya, penyata perubahan dalam nilai aset bersih boleh agih kepada pemegang-pemegang unit serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Lain-lain perkara

Laporan ini disediakan hanya kepada pemegang-pemegang unit Unit Amanah, sebagai sebuah badan dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.

Hanafiah Raslan & Mohamad
AF: 0002
Akauntan Bertauliah

Ahmad Zahirudin Abdul Rahim
No. 2607/12/12(J)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TEMPOH ENAM BULAN BERAKHIR 30 JUN 2012

	Nota	Tempoh enam bulan berakhir 30.06.2012 RM	Tempoh enam bulan berakhir 30.06.2011 RM (Dinyatakan semula)
PENDAPATAN			
Faedah dan lain-lain pendapatan		7,479,987	6,586,585
Pendapatan dividen		18,634,538	16,656,659
Keuntungan bersih ternyata daripada jualan pelaburan melalui untung rugi (FVTPL)		14,140,576	13,769,870
(Kerugian) / Keuntungan bersih tak ternyata daripada perubahan melalui untung rugi (FVTPL)		(10,546,468)	1,398,875
		<u>29,708,633</u>	<u>38,411,989</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurus	4	6,577,500	6,546,800
Yuran pemegang amanah	5	250,000	250,000
Imbuan juruaudit		20,000	20,000
Perbelanjaan pentadbiran		3,755,568	1,699,394
		<u>10,603,068</u>	<u>8,516,194</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI			
		19,105,565	29,895,795
CUKAI	6	-	-
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI			
		<u>19,105,565</u>	<u>29,895,795</u>
Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:			
Ternyata		29,652,033	28,496,920
Tidak ternyata		(10,546,468)	1,398,875
		<u>19,105,565</u>	<u>29,895,795</u>

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Laporan Interim ASN Bagi Tempoh 6 Bulan Berakhir 30 Jun 2012

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TEMPOH ENAM BULAN BERAKHIR 30 JUN 2012

	Tempoh enam Nota bulan berakhir 30.06.2012 RM	Tempoh enam bulan berakhir 30.06.2011 RM (Dinyatakan semula)
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI	19,105,565	29,895,795
Lain-lain pendapatan komprehensif		
Keuntungan bersih daripada perubahan nilai saksama melalui lain-lain pendapatan (FVTOCI)	53,708,448	39,632,448
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TEMPOH SEMASA	<u>72,814,013</u>	<u>69,528,243</u>
Jumlah pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:		
Ternyata	62,826,405	61,808,006
Tidak ternyata	9,987,608	7,720,237
	<u>72,814,013</u>	<u>69,528,243</u>

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 30 JUN 2012

	Nota	30.06.2012 RM	31.12.2011 RM (Dinyatakan semula)	1.1.2011 RM (Dinyatakan semula)
ASET				
Pelaburan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)	7	910,528,470	856,451,712	730,360,483
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung rugi (FTVPL)	8	79,561,645	131,238,393	225,810,878
Instrumen pasaran kewangan		-	-	4,946,657
Deposit dengan institusi kewangan	9	257,474,867	350,286,575	357,164,600
Tuntutan cukai		13,964,300	12,474,984	19,137,721
Pendapatan belum diterima	10	4,312,633	2,401,263	4,430,809
Jumlah terhutang kepada broker saham		24,356,119	-	3,205,045
Tunai di bank		5,000	5,000	5,000
JUMLAH ASET		<u>1,290,203,034</u>	<u>1,352,857,927</u>	<u>1,345,061,193</u>
LIABILITI				
Peruntukan pengagihan		-	92,800,950	89,877,000
Jumlah terhutang kepada broker saham		-	2,270,000	1,971,389
Pelbagai pemiutang		2,499,828	1,544,474	2,472,297
JUMLAH LIABILITI		<u>2,499,828</u>	<u>96,615,424</u>	<u>94,320,686</u>
EKUITI				
Modal pemegang unit		1,086,926,978	1,128,280,288	1,100,663,709
Rizab-rizab lain		200,776,228	127,962,215	150,076,798
JUMLAH EKUITI		<u>1,287,703,206</u>	<u>1,256,242,503</u>	<u>1,250,740,507</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>1,290,203,034</u>	<u>1,352,857,927</u>	<u>1,345,061,193</u>
UNIT DALAM EDARAN	11	<u>1,488,100,000</u>	<u>1,533,900,000</u>	<u>1,497,950,000</u>
NILAI ASET BERSIH SEUNIT		<u>0.8653</u>	<u>0.8190</u>	<u>0.8350</u>

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TEMPOH ENAM BULAN BERAKHIR 30 JUN 2012

		← Rizab-rizab lain →		Rizab Lain-lain	
	Modal Pemegang Unit RM	Pendapatan Belum Ternyata RM	Diagihkan Tidak Ternyata RM	Pendapatan Komprehensif Tidak Ternyata RM	Jumlah Ekuiti RM
Pada 1 Januari 2011	1,100,663,709	46,834,413	18,776,626	84,465,759	1,250,740,507
Penjadian unit untuk jualan	11,010,798	-	-	-	11,010,798
Penjadian unit untuk pengagihan pelaburan (31 Disember 2010)	86,401,732	-	-	-	86,401,732
Pembatalan unit	(85,077,860)	-	-	-	(85,077,860)
Pengimbangan pengagihan	(538,179)	-	-	-	(538,179)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh semasa	-	28,496,920	1,398,875	39,632,448	69,528,243
Pindahan keuntungan ternyata ke pendapatan belum diagihkan	-	33,311,085	-	(33,311,085)	-
Pada 30 Jun 2011	<u>1,112,460,200</u>	<u>108,642,418</u>	<u>20,175,501</u>	<u>90,787,122</u>	<u>1,332,065,241</u>
 Pada 1 Januari 2012	 1,128,280,288	 49,498,251	 16,790,351	 61,673,613	 1,256,242,503
Penjadian unit untuk jualan	3,036,627	-	-	-	3,036,627
Penjadian unit untuk pengagihan pelaburan (31 Disember 2011)	90,486,422	-	-	-	90,486,422
Pembatalan unit	(137,875,180)	-	-	-	(137,875,180)
Pengimbangan pengagihan bagi tempoh semasa	2,998,821	-	-	-	2,998,821
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh semasa	-	29,652,033	(10,546,468)	53,708,448	72,814,013
Pindahan keuntungan ternyata ke pendapatan belum diagihkan	-	33,174,372	-	(33,174,372)	-
Pada 30 Jun 2012	<u>1,086,926,978</u>	<u>112,324,656</u>	<u>6,243,883</u>	<u>82,207,689</u>	<u>1,287,703,206</u>

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TEMPOH ENAM BULAN BERAKHIR 30 JUN 2012

	Tempoh enam bulan berakhir 30.06.2012 RM	Tempoh enam bulan berakhir 30.06.2011 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada jualan pelaburan	402,557,500	281,476,713
Pembelian pelaburan	(373,564,139)	(313,767,651)
Faedah diterima	6,737,888	7,223,723
Dividen bersih diterima	15,984,543	15,270,120
Yuran pengurusan dibayar	(6,577,500)	(6,546,800)
Yuran pemegang amanah dibayar	(250,000)	(250,000)
Perbelanjaan pentadbiran dibayar	<u>(3,545,740)</u>	<u>(759,890)</u>
Tunai bersih dihasilkan daripada/ (digunakan dalam) aktiviti operasi dan pelaburan	<u>41,342,552</u>	<u>(17,353,785)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Perolehan daripada penjadian unit	96,521,870	101,415,640
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(137,875,180)	(84,539,620)
Pengagihan kepada pemegang unit	<u>(92,800,950)</u>	<u>(89,877,000)</u>
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	<u>(134,154,260)</u>	<u>(73,000,980)</u>
PENGURANGAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	(92,811,708)	(90,354,765)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TEMPOH	<u>350,291,575</u>	<u>357,169,600</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TEMPOH	<u>257,479,867</u>	<u>266,814,835</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	5,000	3,296
Deposit dengan institusi kewangan (Nota 9)	<u>257,474,867</u>	<u>266,811,539</u>
	<u>257,479,867</u>	<u>266,814,835</u>

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 30 JUN 2012

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (berikutnya dirujuk sebagai “Unit Amanah”) ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Suratikatan bertarikh 14 April 1981, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad (“ASNB”), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam “Pelaburan Dibenarkan” seperti yang didefinisikan di bawah Klausa 1 Suratikatan. “Pelaburan Dibenarkan” termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 14 April 1981 dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 23 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad (“PNB”). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hakmilik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah pada 30 Jun 2006.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 15 Ogos 2012.

2. MENGGUNAPAKAI MALAYSIAN FINANCIAL REPORTING STANDARDS (“ MFRS”) BUAT KALI PERTAMA

Penyata kewangan bagi tempoh berakhir 30 Jun 2012, telah disediakan menurut MFRS 134 Interim Financial Reporting dan Garispanduan Tabung Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia. Penyata kewangan ini juga mematuhi IAS 34 Interim Financial Reporting yang diterbitkan oleh International Accounting Standards Board. Untuk tempoh sehingga tahun berakhir 31 Disember 2011, penyata kewangan Unit Amanah telah disediakan menurut Financial Reporting Standards (“FRS”).

Penyata kewangan Unit Amanah bagi tempoh berakhir 31 Disember 2011 yang disediakan menurut FRS boleh didapati di pejabat berdaftar ASNB dialamat Tingkat 4, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

2. MENGGUNAPAKAI MALAYSIAN FINANCIAL REPORTING STANDARDS (“ MFRS”) BUAT KALI PERTAMA (SAMB.)

Penyata kewangan ini adalah penyata kewangan MFRS yang pertama yang merangkumi sebahagian dari tempoh penyata kewangan tahunan MFRS pertama berakhir 31 December 2012. MFRS 1 First-Time Adoption of Malaysian Financial Reporting Standards (“MFRS 1”) telah digunakan.

Dalam menyediakan kedudukan pembukaan bagi Penyata Kewangan MFRS pada 1 Januari 2011 (tarikh peralihan), Unit Amanah telah melaraskan jumlah yang telah dilaporkan sebelum ini di dalam penyata kewangan yang dilaporkan menurut FRS. Penerangan mengenai impak peralihan dari FRS ke MFRS keatas penyata kewangan, penyata pendapatan dan aliran tunai di lampirkan di Nota 2(b) and 3 dibawah. Nota-nota ini mengandungi penyata penyesuaian bagi ekuiti dan jumlah pendapatan komprihensif bagi tempoh perbandingan dan bagi ekuiti pada tarikh peralihan dari FRS ke tempoh dan tarikh peralihan ke MFRS. Peralihan dari FRS ke MFRS tidak mempunyai kesan ketara bagi penyata aliran tunai.

Menggunakan awal MFRS 9 Financial Instruments : Classification and Measurement

Bagi tahun semasa, Unit Amanah telah menggunakan MFRS 9 Financial Instruments (MFRS 9) (diterbitkan pada November 2009 dan disemak pada Oktober 2010) dan penyemakan yang berkenaan sebelum tarikh efektif. Tarikh penggunaan permulaan (tarikh Unit Amanah menilai aset kewangan dan liabiliti kewangan yang ada) ialah 1 Januari 2011. Unit Amanah telah menggunakan MFRS 9 menurut peruntukan peralihan di dalam MFRS 9; Unit Amanah tidak menggunakan keperluan MFRS 9 untuk instrument yang belum dinyahtiraf pada 1 Januari 2011 dan tidak menggunakan keperluan kepada instrumen yang telah dinyahtiraf pada 1 Januari 2011. Jumlah perbandingan mengenai instrumen yang belum dinyahtiraf pada 1 Januari 2011 telah dinyatakan semula, dimana perlu.

Aset Kewangan

MFRS 9 memperkenalkan keperluan baru dalam klasifikasi dan pengukuran untuk aset kewangan dalam skop IAS 39 Financial Instruments : Recognition and Measurement. MFRS 9, terutamanya memerlukan semua aset kewangan diklasifikasikan dan seterusnya diukur samaada secara kos lunasan atau nilai saksama bergantung kepada model perniagaan sesuatu entiti dalam menguruskan aset kewangan dan ciri-ciri aliran tunai kontrak .

Seperti yang diperlukan oleh MFRS 9, instrumen hutang diukur secara kos lunasan hanya jika (i) aset dipegang dalam model perniagaan yang objektifnya adalah untuk mengutip

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

2. MENGGUNAPAKAI MALAYSIAN FINANCIAL REPORTING STANDARDS (“ MFRS”) BUAT KALI PERTAMA (SAMB.)

Aset Kewangan (Samb.)

tunai kontrak dan (ii) terma-terma kontrak aset kewangan pada tarikh yang spesifik bagi aliran tunai yang hanya untuk pembayaran prinsipal dan faedah dari prinsipal yang belum dijelas. Jika salah satu dari dua kriteria ini tidak dipenuhi, instrumen hutang diklasifikasikan sebagai nilai saksama melalui untung rugi (FVTPL).

Walaubagaimanapun, Unit Amanah boleh memilih pada permulaan untuk menyatakan instrumen kewangan yang memenuhi kriteria kos lunasan sebagai FVTPL sekiranya ia menghilangkan atau mengurangkan ketidakpadanan perakaunan. Pada tahun semasa, Unit Amanah telah memilih untuk menyatakan sekuriti berpendapatan tetap tidak disenaraiharga dan sekuriti hutang dan pelaburan dalam sekuriti modal bercantum yang memenuhi kriteria kos lunasan sebagai FVTPL.

Pada 1 Januari 2011, para pengarah telah menyemak dan menilai Aset Kewangan Unit Amanah yang sediaada. Penggunapakai permulaan MFRS 9 mempunyai impak keatas aset kewangan Unit Amanah berikut :

- (a) Aset kewangan yang di simpan untuk jualbalik sebagai FVTPL
- (b) Aset kewangan yang disimpan untuk menerima pendapatan dividen bagi tempoh sederhana sehingga panjang sebagai FVTOCI.

Impak applikasi permulaan MFRS dilampirkan di Nota 3 dibawah.

Liabiliti Kewangan

MFRS 9 juga mempunyai keperluan untuk mengklasifikasi dan mengukur liabiliti kewangan. Satu perubahan besar dalam mengklasifikasikan dan mengukur liabiliti kewangan adalah berkenaan perubahan pada nilai saksama liabiliti kewangan berikutan perubahan risiko kredit liabiliti yang dizahirkan di lain-lain pendapatan komprehensif, kecuali sekiranya pengiktirafan itu boleh mengadakan atau memperbesarkan ketidaksamaan perakaunan. Sebelum ini, menurut IAS 39, keseluruhan perubahan nilai saksama liabiliti kewangan FVTPL dizahirkan dalam penyata pendapatan.

Perubahan polisi perakaunan ini tidak mempunyai kesan ketara kepada Unit Amanah.

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING DAN PENGGUNAAN MFRS 1

Penyata kewangan Tabung Amanah yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 disediakan selaras dengan FRS. Keperluan di bawah FRS dan MFRS adalah sama, kecuali bagi perbezaan-perbezaan tertentu. Dasar-dasar perakaunan penting yang diterima pakai dalam menyediakan interim penyata kewangan adalah konsisten dengan penyata kewangan beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 kecuali seperti yang dibincangkan dalam Nota 2 (b) di atas.

Penyesuaian ekuiti dan jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh perbandingan dan ekuiti pada tarikh peralihan yang dilaporkan di bawah FRS bagi tempoh-tempoh yang dilaporkan dan pada tarikh peralihan di bawah MFRS disediakan di bawah :

(a) Penyesuaian ekuiti pada 1 Januari 2011

	FRS pada 1.1.2011 RM	MFRS 9 pelarasan (Nota 2 (b)) RM	MFRS pada 1.1.2011 RM
ASET			
Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	19,163,107	(19,163,107)	-
Pelaburan dalam sekuriti modal bercantum	54,475,000	(54,475,000)	-
Sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai	10,950,000	(10,950,000)	-
Pelaburan disebut harga	871,583,254	(871,583,254)	-
Pelaburan nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)	-	730,360,483	730,360,483
Pelaburan nilai saksama melalui untung rugi (FTVPL)	-	225,810,878	225,810,878
Instrumen pasaran kewangan	4,946,657	-	4,946,657
Deposit dengan institusi kewangan	357,164,600	-	357,164,600
Tuntutan cukai	19,137,721	-	19,137,721
Pendapatan belum diterima	4,430,809	-	4,430,809
Jumlah terhutang kepada broker saham	3,205,045	-	3,205,045
Tunai di bank	5,000	-	5,000
JUMLAH ASET	<u>1,345,061,193</u>		<u>1,345,061,193</u>

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING DAN PENGGUNAAN MFRS 1 (SAMB.)

(a) Penyesuaian ekuiti pada 1 Januari 2011 (Samb.)

	FRS pada 1.1.2011 RM	MFRS 9 pelarasan (Nota 2 (b)) RM	MFRS pada 1.1.2011 RM
LIABILITI			
Peruntukan pengagihan	89,877,000	-	89,877,000
Jumlah terhutang kepada broker saham	2,472,297	-	2,472,297
Pelbagai pemiutang	1,971,389	-	1,971,389
JUMLAH LIABILITI	<u>94,320,686</u>		<u>94,320,686</u>
EKUITI			
Modal pemegang unit	1,100,663,709	-	1,100,663,709
Rizab lain-lain	46,834,413	103,242,385	150,076,798
Rizab tidak nyata pelaburan	103,242,385	(103,242,385)	-
EKUITI	<u>1,250,740,507</u>		<u>1,250,740,507</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	<u>1,345,061,193</u>		<u>1,345,061,193</u>

(b) Penyesuaian ekuiti pada 30 Jun 2011

	FRS pada 30.6.2011 RM	MFRS 9 pelarasan (Nota 2 (b)) RM	MFRS pada 30.6.2011 RM
ASET			
Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	14,129,164	(14,129,164)	-
Pelaburan dalam sekuriti modal bercantum	54,935,000	(54,935,000)	-
Sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai	11,242,000	(11,242,000)	-
Pelaburan disebut harga	962,601,657	(962,601,657)	-
Pelaburan nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)	-	835,365,235	835,365,235
Pelaburan nilai saksama melalui untung rugi (FTVPL)	-	207,542,586	207,542,586
Instrumen pasaran kewangan	2,964,904	-	2,964,904
Deposit dengan institusi kewangan	266,811,539	-	266,811,539
Tuntutan cukai	21,794,474	-	21,794,474

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING DAN PENGGUNAAN MFRS 1 (SAMB.)

(b) Penyesuaian ekuiti pada 30 Jun 2011 (Samb.)

	FRS pada 1.1.2011 RM	MFRS 9 pelarasan (Nota 2 (b)) RM	MFRS pada 1.1.2011 RM
Pendapatan belum diterima	4,796,703	-	4,796,703
Jumlah terhutang kepada broker saham	12,234,134	-	12,234,134
Tunai di bank	3,296	-	3,296
JUMLAH ASET	<u>1,351,512,871</u>		<u>1,351,512,871</u>

LIABILITI

Jumlah terhutang kepada broker saham	11,437,207	-	11,437,207
Pelbagai pemiutang	2,930,893	-	2,930,893
Jumlah terhutang kepada pengurus	5,079,530	-	5,079,530
JUMLAH LIABILITI	<u>19,447,630</u>		<u>19,447,630</u>

EKUITI

Modal pemegang unit	1,112,460,200	-	1,112,460,200
Rizab lain-lain	108,642,419	110,962,622	219,605,041
Rizab tidak nyata pelaburan	110,962,622	(110,962,622)	-
EKUITI	<u>1,332,065,241</u>		<u>1,332,065,241</u>

JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI

<u>1,351,512,871</u>	<u>1,351,512,871</u>
-----------------------------	-----------------------------

(c) Penyesuaian ekuiti pada 31 Disember 2011

	FRS pada 31.12.2011 RM	MFRS 9 pelarasan (Nota 2 (b)) RM	MFRS pada 31.12.2011 RM
ASET			
Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	13,948,143	(13,948,143)	-
Pelaburan dalam sekuriti modal bercantum	55,270,000	(55,270,000)	-
Sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai	10,972,000	(10,972,000)	-
Pelaburan disebut harga	907,499,962	(907,499,962)	-
Pelaburan nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)	-	856,451,712	856,451,712

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING DAN PENGGUNAAN MFRS 1 (SAMB.)

(c) Penyesuaian ekuiti pada 31 Disember 2011 (Samb.)

	FRS pada 31.12.2011 RM	MFRS 9 pelarasan (Nota 2 (b)) RM	MFRS pada 31.12.2011 RM
Pelaburan nilai saksama melalui untung rugi (FTVPL)	-	131,238,393	131,238,393
Deposit dengan institusi kewangan	350,286,575	-	350,286,575
Tuntutan cukai	12,474,984	-	12,474,984
Pendapatan belum diterima	2,401,263	-	2,401,263
Tunai di bank	5,000	-	5,000
JUMLAH ASET	<u>1,352,857,927</u>		<u>1,352,857,927</u>
LIABILITI			
Peruntukan pengagihan	92,800,950	-	92,800,950
Jumlah terhutang kepada broker saham	1,544,474	-	1,544,474
Pelbagai pemiutang	2,270,000	-	2,270,000
JUMLAH LIABILITI	<u>96,615,424</u>		<u>96,615,424</u>
EKUITI			
Modal pemegang unit	1,128,280,288	-	1,128,280,288
Rizab lain-lain	49,498,251	78,463,964	127,962,215
Rizab tidak nyata pelaburan	78,463,964	(78,463,964)	-
EKUITI	<u>1,256,242,503</u>		<u>1,256,242,503</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	<u>1,256,242,503</u>		<u>1,256,242,503</u>

(d) Penyesuaian jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh
30 Jun 2011

	FRS pada 30.6.2011 RM	MFRS 9 pelarasan (Nota 2 (b)) RM	MFRS pada 30.6.2011 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan faedah	6,586,585	-	6,586,585
Pendapatan dividen	16,656,659	-	16,656,659
Keuntungan bersih dari jualan pelaburan	47,080,956	(47,080,956)	-
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan nilai saksama melalui untung rugi (FVTPL)	-	13,769,870	13,769,870

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING DAN PENGGUNAAN MFRS 1 (SAMB.)

(d) Penyesuaian jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh 30 Jun 2011 (Samb.)

	FRS pada 30.6.2011 RM	MFRS 9 pelarasan (Nota 2 (b)) RM	MFRS pada 30.6.2011 RM
Keuntungan bersih daripada perubahan nilai saksama melalui untung rugi (FVTPL)	-	1,398,875	1,398,875
	<u>70,324,200</u>		<u>38,411,989</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurus	6,546,800	-	6,546,800
Yuran pemegang amanah	250,000	-	250,000
Imbuan juruaudit	20,000	-	20,000
Perbelanjaan pentadbiran	1,699,394	-	1,699,394
	<u>8,516,194</u>		<u>8,516,194</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI	61,808,006		29,895,795
CUKAI	-		-
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI	<u>61,808,006</u>		<u>29,895,795</u>
Lain-lain pendapatan komprehensif			
Keuntungan bersih daripada perubahan nilai saksama melalui pendapatan lain-lain komprehensif (FVTOCI)	-	39,632,448	39,632,448
Kenaikan bersih dalam rizab tidak ternyata pelaburan	<u>7,720,237</u>	(7,720,237)	<u>-</u>
JUMLAH LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TEMPOH	<u>69,528,243</u>		<u>69,528,243</u>

(e) Penyesuaian jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh 31 Disember 2011

	FRS pada 31.12.2011 RM	MFRS 9 pelarasan (Nota 2 (b)) RM	MFRS pada 31.12.2011 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan faedah	12,968,574	-	12,968,574
Pendapatan dividen	43,311,946	-	43,311,946

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING DAN PENGGUNAAN MFRS 1 (SAMB.)

(e) Penyesuaian jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh 31 Disember 2011 (Samb.)

	FRS pada 31.12.2011 RM	MFRS 9 pelarasan (Nota 2 (b)) RM	MFRS pada 31.12.2011 RM
Keuntungan bersih dari jualan pelaburan	58,714,766	(58,714,766)	-
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan nilai saksama melalui untung rugi (FVTPL)	-	17,197,848	17,197,848
Keuntungan tak ternyata daripada perubahan nilai saksama melalui untung rugi (FVTPL)	-	(22,194,423)	(22,194,423)
	<u>114,995,286</u>		<u>51,283,945</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurus	12,856,800	-	12,856,800
Yuran pemegang amanah	500,000	-	500,000
Imbuhan juruaudit	30,000	-	30,000
Perbelanjaan pentadbiran	6,143,698	-	6,143,698
	<u>19,530,498</u>		<u>19,530,498</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI	95,464,788		31,753,447
CUKAI	-		-
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI	<u>95,464,788</u>		<u>31,753,447</u>
Lain-lain pendapatan komprehensif			
Keuntungan tak ternyata daripada perubahan nilai saksama melalui pendapatan lain-lain komprehensif (FVTOCI)	-	38,932,920	38,932,920
Kenaikan bersih dalam rizab tak ternyata pelaburan	<u>(24,778,421)</u>	24,778,421	<u>-</u>
JUMLAH LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TEMPOH	<u>70,686,367</u>		<u>70,686,367</u>

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING DAN PENGGUNAAN MFRS 1 (SAMB.)

(f) Pendapatan Belum Terima

Pendapatan belum terima dinyatakan pada nilai saksama yang boleh diperolehi

(g) Modal Pemegang Unit

Modal pemegang unit kepada Unit Amanah menepati definisi instrument 'puttable' yang diklasifikasikan sebagai instrumen ekuiti mengikut pindaan FRS 132, "Financial Instruments: Presentation".

Pengimbangan pengagihan mewakili purata amaun yang boleh diagih yang termasuk dalam harga penjadian dan pembatalan unit. Amaun tersebut dipulangkan kepada pemegang unit sama ada melalui pengagihan dan/atau dipinda dengan sepatutnya apabila unit dibatalkan.

(h) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

Pendapatan daripada sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, pelaburan dalam sekuriti modal bercantum, instrumen pasaran kewangan dan simpanan dengan institusi kewangan diambil kira mengikut asas akruan menggunakan kaedah kadar faedah keuntungan efektif.

(i) Tunai dan Persamaan Tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi dimana perubahan dalam nilai mempunyai risiko yang tidak ketara.

(j) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan di dalam penyata aset dan liabiliti, merangkumi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, sekuriti modal bercantum, skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan, saham disebut harga, instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Faedah, manfaat,

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING DAN PENGGUNAAN MFRS 1 (SAMB.)

(j) Instrumen Kewangan (Samb.)

dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan.

(k) Aset-Aset Kewangan

Kesemua kebiasaan pembelian dan penjualan aset kewangan adalah diiktiraf dan dinyahiktirafkan berdasarkan asas perniagaan. Kebiasaan pembelian atau penjualan adalah pembelian dan penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh peraturan atau kebiasaan pasaran.

Aset kewangan yang diiktiraf akan dikira keseluruhannya pada kos dilunaskan atau nilai saksama, bergantung kepada pengelasan aset tersebut

(i) Pengelasan Aset Kewangan

Instrumen hutang yang memenuhi kriteria berikut akan diukur pada kos dilunaskan setelah ditolak kerugian rosot nilai (kecuali instrumen hutang yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung rugi pada permulaan pengiktirafan):

- aset tersebut dipegang berdasarkan model perniagaan dimana aset dipegang untuk mendapatkan aliran tunai secara kontraktual.
- terma-terma kontraktual instrument tersebut akan menghasilkan pembayaran prinsipal dan faedah semata-mata atas baki prinsipal pada tarikh-tarikh tertentu.

Lain-lain aset kewangan akan diukur pada nilai saksama.

(ii) Kos yang dilunaskan dan kaedah kadar faedah berkesan

Kaedah kadar faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan bagi satu-satu instrumen hutang dan bagi memperuntukan pendapatan faedah bagi satu-satu tempoh. Kadar faedah berkesan adalah kadar yang mengambilkira anggaran terimaan tunai masa hadapan yang telah didiskaunkan (termasuk yuran yang dibayar atau diterima yang merupakan sebahagian dari kadar faedah berkesan tersebut, kos transaksi dan lain-lain premium atau diskaun) disepanjang tempoh hayat instrumen hutang tersebut, atau, bagi jangka masa pendek, pada nilai bersih yang dibawa pada permulaan pengiktirafan.

Pendapatan diiktiraf atas asas faedah berkesan bagi instrumen hutang yang dikira pada kos dilunaskan. Pendapatan faedah diambil kira di dalam untung rugi dan termasuk dalam kategori pendapatan dari pelaburan

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING DAN PENGUNAAN MFRS 1 (SAMB.)

(k) Aset-Aset Kewangan (Samb.)

(iii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)

Pada permulaan pengiktirafan, Unit Amanah diberi pilihan untuk membuat pemilihan yang tidak boleh ditarik balik (berasaskan pada setiap instrumen) bagi menandakan pelaburan dalam instrumen ekuiti sebagai FVTOCI. Penandaan sebagai FVTOCI tidak dibenarkan sekiranya instrumen ekuiti tersebut dipegang bagi tujuan jual beli.

Aset kewangan dikira untuk jual beli sekiranya

- ianya diperoleh dengan tujuan utamanya untuk dijual dalam tempoh terdekat; atau
- pada permulaan pengiktirafan, ianya adalah sebahagian dari portfolio instrumen kewangan yang diurus secara keseluruhannya oleh Unit Amanah yang mana telah menunjukkan corak pengambilan untung jangka pendek; atau
- ianya adalah instrumen derivatif yang tidak ditandakan dan tidak berkesan sebagai instrumen perlindungan nilai atau sebagai jaminan kewangan

Pelaburan dalam instrumen ekuiti pada FVTOCI pada permulaannya diukur pada nilai saksama ditambah kos transaksi. Berikutnya, ianya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian hasil dari perubahan nilai saksama dikira dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan dikumpul di dalam rizab penilaian pelaburan. Keuntungan atau kerugian terkumpul tidak akan dikelaskan semula pada untung rugi atas penjualan pelaburan tersebut.

Unit Amanah telah menandakan

- a) Aset kewangan yang dipegang bagi tujuan jual beli dikelaskan sebagai FVTPL.
- b) Aset kewangan yang dipegang bagi tujuan untuk mendapatkan pendapatan dividen atau bagi tujuan pelaburan jangka masa sederhana ke jangka masa panjang dikelaskan sebagai FVTOCI.

Dividen bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti diambil kira di dalam akaun untung rugi apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan menurut MFRS 18, Revenue, melainkan dividen tersebut merupakan pembayaran balik sebahagian dari kos pelaburan. Dividen yang diperoleh diambil kira di dalam akaun untung rugi dan termasuk dalam kategori pendapatan dari pelaburan

**3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING DAN
PENGUNAAN MFRS 1 (SAMB.)**

(k) Aset-Aset Kewangan (Samb.)

**(iv) Aset kewangan pada nilai saksama melalui akaun untung
rugi (FVTPL)**

Pelaburan dalam instrumen ekuiti dikelaskan sebagai FVTPL melainkan Unit Amanah menandakan pelaburan tersebut bukan untuk jualbeli dan dipermulaan pengiktirafan sebagai FVTOCI.

Instrumen hutang yang tidak menepati ciri-ciri kos dilunaskan (rujuk ke atas) akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang yang menepati ciri-ciri kos dilunaskan tetapi telah ditandakan sebagai FVTPL akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang akan ditandakan sebagai FVTPL sekiranya penandaan tersebut akan menghilangkan atau mengurangkan perbezaan yang ketara dalam pengiraan atau penilaian aset atau liabiliti yang dilakukan ke atas pelaburan tersebut. Unit Amanah telah menandakan aset kewangan yang dipegang untuk tujuan jualbeli sebagai FVTPL.

Instrumen hutang dikelaskan semula dari kos dilunaskan kepada FVTPL apabila model perniagaan telah berubah sehingga menyebabkan ciri-ciri kos dilunaskan tidak lagi dipenuhi. Pengelasan semula instrumen hutang yang ditandakan sebagai FVTPL adalah tidak dibenarkan.

Aset kewangan FVTPL dikira pada nilai saksama pada setiap penghujung tempoh pelaporan dengan sebarang untung atau rugi hasil dari penilaian semula diambil kira di dalam akaun untung rugi.

Pendapatan faedah atas instrumen hutang pada FVTPL termasuk dalam untung atau rugi bersih seperti yang dijelaskan di atas.

Pendapatan dividen dari pelaburan dalam instrumen ekuiti FVTPL dikira dalam akaun untung rugi apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan menurut MFRS 18, Revenue, dan termasuk dalam untung atau rugi bersih seperti yang dijelaskan di atas.

(v) Rosotnilai dalam aset kewangan

Aset kewangan yang dikira pada kos dilunaskan akan dinilai bagi sebarang rosotnilai pada setiap penghujung tempoh pelaporan. Aset kewangan dikira sebagai merosot sekiranya terdapat bukti yang nyata bahawa anggaran aliran tunai masa hadapan akan terjejas kesan daripada terjadinya satu atau lebih peristiwa selepas pengiktirafan awal aset kewangan tersebut.

**3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING DAN
PENGUNAAN MFRS 1 (SAMB.)**

(k) Aset-Aset Kewangan (Samb.)

(v) Rosotnilai dalam aset kewangan (Samb.)

Bukti nyata rosotnilai termasuk

- masalah kewangan yang ketara yang dihadapi oleh penerbit instrumen hutang atau pihak yang terlibat; atau
- pelanggaran kontrak seperti “default” dalam pembayaran kupon atau prinsipal; atau
- pihak penghutang berkemungkinan besar menjadi muflis atau pengstruktur semula kedudukan kewangan mereka; atau
- ketiadaan pasaran aktif bagi aset kewangan tersebut disebabkan oleh masalah kewangan.

Jumlah rosotnilai adalah perbezaan di antara nilai yang dibawa dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan dengan mengambilkira jumlah pajakan dan jaminan, didiskaunkan pada kadar berkesan faedah asal.

Nilai dibawa aset kewangan akan dikurangkan oleh kerugian rosotnilai bagi semua aset kewangan kecuali akaun penerimaan, di mana nilai dibawa dikurangkan melalui akaun elaun. Sebarang pembayaran balik jumlah yang telah dilupuskan akan dikreditkan ke dalam akaun elaun.

Jika di dalam tempoh berikutnya terdapat pengurangan dalam kerugian rosotnilai dan pengurangan ini berkaitan dengan peristiwa yang terjadi setelah rosotnilai dilakukan, rosotnilai ini akan dikreditkan kembali ke akaun untung rugi setakat nilai dibawa tidak melebihi jumlah kos dilunaskan sekiranya rosotnilai tidak dilakukan

(vi) Penyahiktirafan Aset Kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan aset kewangan hanya apabila hak atas aliran tunai dari aset tersebut berakhir, atau apabila Unit Amanah memindahmilikkan aset kewangan dan segala risiko dan pulangan pemilikan aset tersebut kepada entiti lain. Sekiranya Unit Amanah tidak memindahmilikkan dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan pulangan pemilikan tetapi masih menguasai aset yang telah dipindahkan tersebut, Unit Amanah hendaklah mengambilkira kepentingan dalam aset tersebut dan liabiliti yang perlu dibayar olehnya. Sekiranya Unit Amanah mengekalkan sebahagian besar risiko dan pulang pemilikan, Unit Amanah akan terus mengiktiraf aset tersebut dan juga pinjaman bercagar bagi hasil yang diterima.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada kos dilunaskan, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah yang diterima akan diambil kira dalam akaun untung rugi.

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING DAN PENGGUNAAN MFRS 1 (SAMB.)

(vi) Penyahiktirafan Aset Kewangan (Samb.)

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada FVTOCI, keuntungan atau kerugian terkumpul dalam rizab penilaian pelaburan tidak dikelaskan kembali ke akaun untung rugi tetapi dikelaskan kembali ke pendapatan nyata belum diagihkan.

(vii) Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti

Pengkelasan sebagai hutang atau ekuiti

Instrumen hutang atau ekuiti yang dikeluarkan oleh Unit Amanah dikelaskan sama ada sebagai liabiliti kewangan atau ekuiti bergantung kepada asas perjanjian dan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

Liabiliti Kewangan

Semua liabiliti kewangan dikira pada kos dilunaskan menggunakan kadar faedah berkesan.

Nilai dibawa bagi liabiliti kewangan yang seterusnya dikira pada kos dilunaskan berdasarkan kaedah kadar faedah berkesan. Perbelanjaan faedah yang tidak dipermodalkan sebagai sebahagian dari kos aset termasuk dalam kategori kos pembiayaan.

Kaedah kadar berkesan faedah adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan bagi liabiliti kewangan dan bagi memperuntukan perbelanjaan faedah bagi satu-satu tempoh. Kadar berkesan faedah adalah kadar yang mengambil kira anggaran pembayaran tunai masa hadapan yang telah didiskaunkan (termasuk yuran yang dibayar atau diterima yang merupakan sebahagian dari kadar faedah berkesan tersebut, kos transaksi dan lain-lain premium atau diskaun) disepanjang tempoh hayat liabiliti kewangan tersebut, atau, bagi jangka masa pendek, pada nilai bersih yang dibawa pada permulaan pengiktirafan.

Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan liabiliti kewangan hanya apabila tanggungan atau kewajipannya dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dan jumlah yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahmilik atau liabiliti diambilalih, diambil kira dalam akaun untung rugi.

(l) Penilaian dan Anggaran Perakaunan Yang Ketara

Penyediaan penyata kewangan Amanah memerlukan Pengurus untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan tentang andaian dan anggaran

Laporan Interim ASN Bagi Tempoh 6 Bulan Berakhir 30 Jun 2012

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING DAN PENGGUNAAN MFRS 1 (SAMB.)

(I) Penilaian dan Anggaran Perakaunan Yang Ketara (Samb.)

ini boleh menyebabkan keputusan yang mana memerlukan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa oleh aset atau liabiliti pada masa akan datang.

Tiada pertimbangan utama telah dibuat oleh Pengurus dalam mengguna pakai dasar-dasar perakaunan Amanah. Tiada terdapat andaian utama mengenai masa depan dan lain - lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini, yang mempunyai risiko penting menyebabkan pelarasan penting kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tempoh kewangan akan datang.

4. YURAN PENGURUS

Klausa 25(8) Suratikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.0% setahun daripada Nilai Aset Bersih ("NAB") boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran pengurusan yang dikenakan bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2012 ialah 1.0% (enam bulan berakhir 30 Jun 2011: 1.0%) setahun daripada nilai aset bersih Unit Amanah.

5. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausa 25(7) Suratikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari semasa ke semasa. Telah dipersetujui bahawa yuran Pemegang Amanah akan dikenakan sebanyak RM500,000 atau 0.08% setahun daripada NAB Unit Amanah, yang mana lebih rendah, dikira dan diakru secara harian.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2012 ialah RM250,000 (enam bulan berakhir 30 Jun 2011: RM250,000) setahun daripada NAB Unit Amanah.

6. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan, 1967, dari tahun taksiran 2006 hingga 2016.

Tuntutan cukai merupakan cukai yang ditolak daripada punca atas pendapatan dividen yang diperolehi di Malaysia dan boleh dituntut daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

6. CUKAI (SAMB.)

Akta Cukai Pendapatan, 1967 telah dipinda pada 28 Disember 2007 bagi memperkenalkan sistem cukai korporat “single-tier” bermula dari tahun taksiran 2008. Menurut sistem cukai korporat “single-tier”, pengagihan dividen kepada pemegang-pemegang saham adalah dikecualikan daripada cukai.

Walaubagaimanapun, akan terdapat tempoh peralihan selama 6 tahun (tahun taksiran 2008 hingga 31 Disember 2013) bagi membolehkan syarikat-syarikat yang mana memenuhi syarat-syarat tertentu, untuk meneruskan pembayaran dividen mengikut sistem imputasi terhad (peralihan). Dividen-dividen dibayar dalam sistem imputasi terhad (peralihan) tertakluk kepada cukai ditangan pemegang-pemegang saham. Pemegang-pemegang saham boleh menuntut cukai yang ditolak daripada sumber pembayaran dividen sebagai kredit cukai.

Syarikat-syarikat yang tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi membuat bayaran dividen mengikut sistem imputasi terhad (peralihan) diperlukan membuat bayaran dividen mengikut sistem cukai “single-tier”. Bermula dari 1 Januari 2014, semua syarikat perlu membayar dividen mengikut sistem cukai “single-tier”.

Jangkaan kesan terhadap Unit Amanah adalah seperti berikut:

Dalam tempoh peralihan, jika Unit Amanah menerima pendapatan dividen daripada syarikat-syarikat yang dilaburkan yang membayar dividen dalam sistem imputasi terhad (peralihan), Unit Amanah boleh terus membuat tuntutan bagi cukai yang ditolak daripada sumber sebagai tuntutan semula daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri, dengan syarat Unit Amanah memenuhi syarat-syarat tertentu.

Walaubagaimanapun, tidak akan ada tuntutan cukai yang boleh dituntut oleh Unit Amanah jika dividen yang diterima melalui sistem cukai “single-tier” kerana dividen tersebut adalah dikecualikan daripada cukai dan maka dengan itu tiada cukai boleh ditolak daripada sumber pembayaran dividen.

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF

		30.06.2012 RM	31.12.2011 RM
Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan	(a)	11,256,000	10,972,000
Pelaburan disebut harga	(b)	899,272,470	845,479,712
		<u>910,528,470</u>	<u>856,451,712</u>

(a) Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan

	30.06.2012 RM	31.12.2011 RM
Pada kos	<u>10,000,000</u>	<u>10,000,000</u>
Pada Nilai Saksama	<u>11,256,000</u>	<u>10,972,000</u>

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF (SAMB.)

	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 30.06.2012 %
Tabung				
PNB Structured Investment Fund	10,000,000	10,000,000	11,256,000	0.87

(b) Pelaburan disebut harga

		30.06.2012 RM	31.12.2011 RM
Pada kos			
Saham Biasa		805,636,920	763,170,607
REITs		12,683,861	21,607,493
		<u>818,320,780</u>	<u>784,778,100</u>
Pada Nilai Saksama:			
Saham Biasa		880,885,297	819,183,267
REITs		18,387,173	26,296,445
		<u>899,272,470</u>	<u>845,479,712</u>

	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 30.06.2012 %
Syarikat				
Pembinaan				
Gamuda Berhad	5,716,100	20,958,657	20,006,350	1.55
Eversendai Corporation Berhad	1,315,300	2,252,780	2,143,939	0.17
IJM Corporation Berhad	6,643,400	37,813,410	33,349,868	2.59
WCT Berhad	2,157,600	4,601,098	5,178,240	0.40
	<u>15,832,400</u>	<u>65,625,945</u>	<u>60,678,397</u>	<u>4.71</u>

Barangan Pengguna

UMW Holdings Berhad	1,277,100	5,427,332	11,659,923	0.91
	<u>1,277,100</u>	<u>5,427,332</u>	<u>11,659,923</u>	<u>0.91</u>

Kewangan

AmBank Berhad	2,827,000	17,669,109	17,781,830	1.38
Bursa Malaysia Berhad	1,772,400	10,744,784	10,953,432	0.85
CIMB Group Holdings Berhad	7,350,500	59,532,049	55,643,285	4.32

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF (SAMB.)

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 30.06.2012 %
Malayan Banking Berhad	12,118,998	85,115,268	105,435,282	8.19
MNRB Holdings Berhad	1,844,000	5,114,578	5,421,360	0.42
Public Bank Berhad	3,545,605	41,119,585	48,787,525	3.79
RHB Capital Berhad	4,115,086	30,408,941	30,451,636	2.36
	<u>33,573,589</u>	<u>249,704,314</u>	<u>274,474,350</u>	<u>21.31</u>
Barangan Industri				
Petronas Chemical Group Berhad	5,240,000	36,720,692	33,902,800	2.63
Petronas Gas Berhad	1,876,000	25,422,249	33,768,000	2.62
Shell Refining Company (Federation of Malaya) Berhad	1,066,400	11,385,771	9,810,880	0.76
	<u>8,182,400</u>	<u>73,528,712</u>	<u>77,481,680</u>	<u>6.01</u>
Infrastruktur				
DiGi.Com Berhad	4,800,000	18,905,477	20,400,000	1.58
YTL Power International Berhad	5,000,000	10,962,047	8,800,000	0.68
	<u>9,800,000</u>	<u>29,867,524</u>	<u>29,200,000</u>	<u>2.26</u>
Perladangan				
Felda Global Ventures Holdings Berhad	3,400,200	15,470,910	18,089,064	1.40
IOI Corporation Berhad	6,000,000	34,466,175	31,140,000	2.42
Kuala Lumpur Kepong Berhad	1,509,000	32,796,350	34,616,460	2.69
	<u>10,909,200</u>	<u>82,733,435</u>	<u>83,845,524</u>	<u>6.51</u>
Hartanah				
KLCC Property Holdings Berhad	3,151,200	10,697,809	14,653,080	1.14
SP Setia Berhad	1,761,400	6,807,623	6,587,636	0.51
	<u>4,912,600</u>	<u>17,505,432</u>	<u>21,240,716</u>	<u>1.65</u>

Laporan Interim ASN Bagi Tempoh 6 Bulan Berakhir 30 Jun 2012

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF (SAMB.)

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 30.06.2012 %
Perdagangan & Perkhidmatan				
Axiata Group Berhad	10,025,400	43,095,381	54,838,938	4.26
Bintulu Port Holdings Berhad	1,000,000	6,011,297	7,000,000	0.54
Bumi Armada Berhad	6,049,900	22,096,611	24,199,600	1.88
Dialog Group Berhad	6,800,000	15,940,835	15,980,000	1.24
Malaysia Airports Holdings Berhad	2,220,600	12,435,360	12,346,536	0.96
Maxis Berhad	3,700,000	19,748,336	23,643,000	1.84
Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad	3,150,000	22,671,768	16,695,000	1.30
MMC Corporation Berhad	4,186,700	10,934,953	10,885,420	0.85
Petronas Dagangan Berhad	167,000	3,140,614	3,523,700	0.27
SapuraKencana Petroleum Berhad	9,583,229	19,166,458	21,083,104	1.64
Sime Darby Berhad	8,607,700	69,093,151	85,130,153	6.61
Tenaga Nasional Berhad	3,247,000	21,543,757	21,884,780	1.70
Telekom Malaysia Berhad	4,441,500	15,365,706	25,094,475	1.95
	<u>63,179,029</u>	<u>281,244,227</u>	<u>322,304,706</u>	<u>25.04</u>
Jumlah saham biasa	<u>147,666,318</u>	<u>805,636,920</u>	<u>880,885,296</u>	<u>68.41</u>
REITs				
CapitalMalls Malaysia Trust	5,218,500	5,412,499	8,193,045	0.64
Pavillion Real Estate Investment Trust	298,400	269,231	364,048	0.03
Sunway Real Estate Investment Trust	7,228,000	7,002,130	9,830,080	0.76
	<u>12,744,900</u>	<u>12,683,860</u>	<u>18,387,173</u>	<u>1.43</u>

Laporan Interim ASN Bagi Tempoh 6 Bulan Berakhir 30 Jun 2012

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF (SAMB.)

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 30.06.2012 %
Jumlah pelaburan disebut harga	160,411,218	818,320,780	899,272,469	69.84

8. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI

		30.06.2012 RM	31.12.2011 RM
Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	(a)	13,897,784	13,948,143
Pelaburan dalam sekuriti modal bercantum	(b)	55,360,000	55,270,000
Pelaburan disebut harga	(c)	10,303,862	62,020,250
		<u>79,561,646</u>	<u>131,238,393</u>

(a) Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga

	30.06.2012 RM	31.12.2011 RM
Pada kos		
Nota Islam Jangka Sederhana	13,714,041	13,714,041
Tolak: (Pelunasan premium terkumpul)	(77,755)	(69,163)
	<u>13,636,286</u>	<u>13,644,878</u>
Pada nilai saksama	<u>13,897,784</u>	<u>13,948,143</u>
Jumlah sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti disebut harga	<u>13,897,784</u>	<u>13,948,143</u>

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 30.06.2012 %
Nota Islam Jangka Sederhana				
5.55% Binariang GSM Sdn. Bhd.				
27 Disember 2013	13,610,600	13,636,286	13,897,784	1.08
Jumlah	<u>13,610,600</u>	<u>13,636,286</u>	<u>13,897,784</u>	<u>1.08</u>

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

8. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (SAMB.)

(b) Pelaburan dalam sekuriti modal bercantum

	30.06.2012 RM	31.12.2011 RM
Pada kos	50,000,000	50,000,000
Pada nilai saksama	55,360,000	55,270,000

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Nilai Saksama RM	Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 30.06.2012 %
6.85% Malayan Banking Berhad dan Cekap Mentari Berhad 27 June 2018	50,000,000	50,000,000	55,360,000	4.30

Pada 27 Jun 2008, Unit Amanah memiliki RM5 juta dalam nilai nominal terdiri daripada Non-Cumulative Perpetual Capital Securities ("NCPCS"), yang dikeluarkan oleh Malayan Banking Berhad ("Maybank") dan dicantum dengan Subordinated Notes ("Sub-Notes"), yang dikeluarkan oleh Cekap Mentari Berhad ("CMB"), subsidiari milik penuh Maybank (dikenali secara kolektif sebagai "Sekuriti Modal Bercantum").

Setiap NCPCS dan Sub-Notes mempunyai kadar faedah tetap sebanyak 6.85% setahun. NCPCS boleh ditebus menurut pilihan Maybank pada tarikh pembayaran faedah ke-20 atau 10 tahun daripada tarikh pembelian Sub-Notes, tertakluk kepada syarat-syarat tebus yang perlu dipenuhi. Sub-Notes boleh ditebus menurut pilihan CMB pada tarikh pembayaran faedah, dan tidak boleh lebih awal daripada berlakunya 'assignment events' ('events' dinyatakan dalam terma Sekuriti Modal Bercantum), tertakluk kepada syarat-syarat tebus yang perlu dipenuhi.

(c) Pelaburan disebut harga

	30.06.2012 RM	31.12.2011 RM
Pada kos		
Saham Biasa	7,573,290	49,072,977
Waran	2,108,187	1,730,187
	9,681,477	50,803,164
Pada nilai saksama:		
Saham Biasa	8,442,935	60,464,526
Waran	1,860,926	1,555,724
	10,303,862	62,020,250

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

8. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (SAMB.)

				Nilai Saksama atas Nilai Aset Bersih pada 30.06.2012 %
Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	
Perladangan				
Felda Global Ventures Holdings Berhad	500,000	2,275,000	2,660,000	0.21
	500,000	2,275,000	2,660,000	0.21
Hartanah				
IJM Land	2,053,800	4,148,676	4,518,360	0.35
	2,053,800	4,148,676	4,518,360	0.35
Perdagangan & Perkhidmatan				
SapuraKencana Petroleum Berhad	574,807	1,149,614	1,264,575	0.10
	574,807	1,149,614	1,264,575	0.10
Jumlah saham biasa	3,128,607	7,573,290	8,442,935	0.66
Waran				
Dialog Group Berhad-Warrants	600,000	378,000	357,000	0.03
Malaysia Airlines System Berhad-RCPS Exp:30.10.2012)	1,196,667	1,196,667	1,154,784	0.09
Sunway Berhad-Warrants	742,857	533,520	349,143	0.03
	2,539,524	2,108,187	1,860,926	0.14
Jumlah pelaburan disebut harga	5,668,131	9,681,477	10,303,862	0.80

9. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

	30.06.2012 RM	31.12.2011 RM
Pada kos		
Bank-bank berlesen	241,882,790	289,423,857
Lain-lain institusi kewangan	15,592,077	60,862,718
	<u>257,474,867</u>	<u>350,286,575</u>

Purata wajaran kadar faedah efektif ("PWKFE") tahunan dan purata kematangan bagi simpanan dengan institusi kewangan pada tarikh penyata aset dan liabiliti adalah seperti berikut:

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

9. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN (SAMB.)

	PWKFE (% p.a.)		Purata Kematangan (Hari)	
	30.06.2012	31.12.2011	30.06.2012	31.12.2011
Bank-bank berlesen	3.34	3.48	39	50
Lain-lain institusi kewangan	<u>3.39</u>	<u>3.37</u>	<u>28</u>	<u>14</u>

10. PENDAPATAN BELUM DITERIMA

	30.06.2012 RM	31.12.2011 RM
Dividen	1,574,430	413,750
Pendapatan faedah	2,286,886	1,536,195
Lain-lain	451,318	451,318
	<u>4,312,634</u>	<u>2,401,263</u>

Pada 30 Jun 2012, di dalam lain-lain pendapatan diterima, terdapat RM 451,318 yang mewakili 5% jumlah pembelian yang dipersetujui di dalam Akaun Escrow, untuk pelupusan pelaburan.

11. UNIT DALAM EDARAN

	30.06.2012 Unit		31.12.2011 Unit	
Unit yang dibenarkan	<u>2,500,000,000</u>		<u>2,500,000,000</u>	

	30.06.2012		31.12.2011	
	Unit	RM	Unit	RM
Pada awal tempoh tahun	<u>1,533,900,000</u>	<u>1,128,280,288</u>	<u>1,497,950,000</u>	<u>1,100,663,709</u>
Penjadian unit untuk jualan	3,800,000	3,036,627	81,000,000	61,040,870
Penjadian unit untuk pengagihan semula pelaburan	<u>114,000,000</u>	<u>90,486,422</u>	<u>107,500,000</u>	<u>86,401,731</u>
	<u>117,800,000</u>	<u>93,523,049</u>	<u>188,500,000</u>	<u>147,442,601</u>
Pembatalan unit	(163,600,000)	(137,875,180)	(152,550,000)	(121,767,551)
	<u>(45,800,000)</u>	<u>(44,352,131)</u>	<u>35,950,000</u>	<u>25,675,050</u>
Pengimbangan pengagihan - bagi tempoh /tahun	-	2,998,821	-	1,941,529
Pada akhir tempoh/tahun	<u>1,488,100,000</u>	<u>1,086,926,978</u>	<u>1,533,900,000</u>	<u>1,128,280,288</u>

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

11. UNIT DALAM EDARAN (SAMB.)

Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2012, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 30 Jun 2012, PNB secara sah memegang 1,149,064 (31 Disember 2011: 1,854,322) unit, merangkumi 0.08% (31 Disember 2011: 0.12%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

12. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM/BROKER/DEALER

Sepuluh syarikat broker saham/broker/dealer terbesar mengikut nilai urus niaga ialah seperti berikut

Syarikat Broker	Nilai Urus Niaga		Yuran Broker	
	RM	%	RM	%
Hong Leong Bank Berhad	307,592,603	19.92	-	-
Public Bank Berhad *	196,419,551	12.72	-	-
Maybank Investment Bank Berhad **	138,323,635	8.96	290,134	19.40
MIDF Amanah Investment Bank Berhad**	120,733,432	7.82	259,970	17.39
CIMB Investment Bank Berhad**	46,305,253	3.00	100,051	6.69
Bank Islam Malaysia Berhad	43,183,488	2.80	-	-
RHB Investment Bank Berhad**	42,145,221	2.73	87,513	5.85
RHB Bank Berhad **	42,000,000	2.72	-	-
ECM Libra Investment Bank Berhad	39,024,896	2.53	80,614	5.39
OSK Investment Bank Berhad**	38,891,855	2.52	80,175	5.36
Lain-lain	529,167,097	34.28	596,902	39.92
	<u>1,543,787,031</u>	<u>100.00</u>	<u>1,495,359</u>	<u>100.00</u>

ASNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat tersebut.

* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat broker berkenaan.

** PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat broker berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri broker saham.

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

13. PUSING GANTI PORTFOLIO

	Tempoh enam bulan berakhir 30.06.2012	Tempoh enam bulan berakhir 30.06.2011
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	<u>0.30 kali</u>	<u>0.22 kali</u>

PGP adalah dikira berdasarkan pada nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan di dalam tempoh kewangan dengan purata NAB Unit Amanah untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.

14. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	Tempoh enam bulan berakhir 30.06.2012	Tempoh enam bulan berakhir 30.06.2011
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	<u>0.80 %</u>	<u>0.65 %</u>

NPP adalah dikira berdasarkan pada nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata NAB Unit Amanah untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.

15. INSTRUMEN KEWANGAN DAN PENZAHIRAN BERKAITAN

Nilai Saksama

Kaedah dan andaian seperti berikut digunakan dalam anggaran nilai saksama bagi setiap kelas instrumen kewangan yang berikut:

- (i) **Tunai dan Persamaan Tunai, Instrumen Pasaran Kewangan, Jumlah Terhutang daripada/(kepada) Broker Saham, Tuntutan Cukai, Peruntukan Pengagihan, dan Pendapatan Belum Diterima.**

Nilai dibawa merupakan anggaran nilai saksama disebabkan oleh tempoh matang yang pendek bagi instrumen-instrumen kewangan ini.

- (ii) **Pelaburan di Sebut Harga**

Nilai saksama saham disebut harga, waran dan REITs ditentukan berdasarkan harga terakhir yang disebut di Bursa Malaysia pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

- (iii) **Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga dan Sekuriti Modal Bercantum**

Nilai saksama bagi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, dan sekuriti modal bercantum ditentukan berdasarkan harga yang dikeluarkan oleh Bond Pricing Agency Sdn. Bhd., agensi bon berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti, pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

- (iv) **Skim Pelaburan Kolektif Tidak Disenaraikan**

Nilai saksama bagi skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan adalah berdasarkan kepada harga terbitan pembelian terakhir.

Laporan Interim ASN Bagi Tempoh 6 Bulan Berakhir 30 Jun 2012

LAPORAN PENGURUS SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

16. LAPORAN BERSEGMENT

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

Kesemua pelaburan Unit Amanah adalah di dalam Malaysia.

17. PERBANDINGAN

Perbandingan penyata kewangan adalah seperti berikut:

- (i) Perbandingan penyata posisi kewangan dan nota-nota berkenaan adalah pada tarikh 31 Disember 2011.
- (ii) Perbandingan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai dan nota-nota berkenaan adalah untuk tempoh dari 1 Januari 2011 sehingga 30 Jun 2011.

18. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM") .

ALAMAT PEJABAT-PEJABAT ASNB

KUALA LUMPUR

ASNB Kaunter Utama
Tingkat 1, Balai PNB
201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Tel: 03-2050 5500
Faks: 03-2161 8852

PUTRAJAYA

Amanah Saham Nasional Berhad
Lot 27, Kompleks Perbadanan Putrajaya
Persiaran Perdana, Presint 3
62675 Putrajaya
Selangor
Tel : 03-8890 4880
Faks : 03-8890 4890

PERLIS

Amanah Saham Nasional Berhad
Lot 7, Jalan Indera Kayangan
01000 Kangar
Perlis
Tel: 04-9775 702/9778 332
Faks: 04-976 0800

NEGERI SEMBILAN

Amanah Saham Nasional Bhd
36, Jalan Tunku Hassan
70000 Seremban
Negeri Sembilan
Tel: 06-762 6239/763 8546/761 8451
Faks: 06-763 3384

KELANTAN

Amanah Saham Nasional Berhad
2983-V, Jalan Parit Dalam
15000 Kota Bharu
Kelantan
Tel: 09-741 9900/741 9909
Faks: 09-744 6663

PAHANG

Amanah Saham Nasional Berhad
No. 71 & 73, Tingkat Bawah
Jalan Tun Ismail
25000 Kuantan
Pahang
Tel: 09-517 8340/517 8341
Faks: 09-513 6694

SELANGOR

Amanah Saham Nasional Berhad
Lot 2-1 & 2-2
Pusat Dagangan UMNO Shah Alam
Persiaran Damai Seksyen 11
40000 Shah Alam
Selangor
Tel: 03-5512 8100/5510 2177
Faks: 03-5513 7155

Amanah Saham Nasional Berhad
No.7 Jalan Medan Niaga 2
Medan Niaga Kuala Selangor
45000 Kuala Selangor
Selangor
Tel: 03-3281 4121/03-3289 4121
Faks: 03-3281 3221

KEDAH

Amanah Saham Nasional Berhad
27, Kompleks Shahab Perdana
Jalan Sultanah Sambungan
05250 Alor Setar
Kedah
Tel: 04-731 0770/731 1012/733 4603
Faks: 04-731 4140

JOHOR

Amanah Saham Nasional Berhad
49, Bangunan Tabung Haji, Jalan Segget,
80000 Johor Bahru Johor
Tel: 07-2239 699/2211 960
Faks: 07-223 2533

Amanah Saham Nasional Berhad
No.12 Jalan Maju, Taman Maju
83000 Batu Pahat, Johor
Tel: 07-4331 709/700/701
Faks: 07-4331 712

TERENGGANU

Amanah Saham Nasional Berhad
No 15, Jalan Batas Baru
20300 Kuala Terengganu
Terengganu
Tel: 09-630 1500/630 1501
Faks: 09-630 1506

PULAU PINANG

Amanah Saham Nasional Berhad*
2777, Jalan Chain Ferry
Taman Inderawasih
13600 Perai
Pulau Pinang
Tel: 04-399 4378/399 4381
Faks: 04-399 4404

Amanah Saham Nasional Berhad
A-12A-1
Lorong Bayan Indah 4
11900 Bayan Lepas
Pulau Pinang
Tel: 04-640 6522/640 6523
Faks: 04-640 6520

ALAMAT PEJABAT-PEJABAT ASNB

PERAK

Amanah Saham Nasional Berhad
No.8 & 8A, Persiaran Greentown 1
Greentown Business Centre
30450 Ipoh
Perak
Tel: 05-255 5500/255 5505
Faks: 05-255 5506

Amanah Saham Nasional Berhad
No. 273 Jalan Intan 12
Bandar Baru Teluk Intan
36000 Teluk Intan
Perak
Tel: 05-621 5153
Faks: 05-621 5150

SABAH

Amanah Saham Nasional Berhad
Tingkat Bawah & 1, Blok G Lot 55
Asiacity Phase 1B
Peti Surat 12149
88000 Kota Kinabalu
Sabah
Tel: 088-257 725/241 011
Faks: 088-218 814

Amanah Saham Nasional Berhad
Lot 6, Blok C, SEDCO Shophouse
89008 Keningau
Sabah
Tel: 087-336 629/618
Faks: 087-336 619

Amanah Saham Nasional Berhad
Lot 15, Tingkat Bawah
Bandar Pasaraya Fasa 1
90000 Sandakan, Sabah
Tel: 089-210486/223530
Faks: 089-210597

Amanah Saham Nasional Berhad
TB 4287 & TB 4280
Tkt Bawah & 1 Town Ext II
Jalan Masjid Kompleks Fajar
91000 Tawau
Sabah
Tel: 089-779 389/779 390/779 391
Faks: 089-776 600

SARAWAK

Amanah Saham Nasional Berhad
Lot 2326 Bintulu Town
Shahida Commercial Centre, Bintulu
Sarawak
Tel : 086-317 463 / 468
Faks : 086-317 485

Amanah Saham Nasional Berhad
Tingkat Bawah & 1
Lot 335 Seksyen 9 KTL D
Jalan Rubber
93754 Kuching
Sarawak
Tel: 082-250 389/410 210
Faks : 082-250 313

Amanah Saham Nasional Berhad
Lot 886, Block 9
MCLD Miri Waterfront
Commercial Centre
98000 Miri
Sarawak
Tel: 085-423 746/419 984
Faks : 085-423 384

Amanah Saham Nasional Berhad
4C, Ground Floor
Lot 832 Jalan Sabu
95000 Sri Aman
Sarawak
Tel: 083-321 742
Faks : 083-323 233

Amanah Saham Nasional Berhad
Lot 1007 & 1008
Jalan Kampung Nyabor
96000 Sibu
Sarawak
Tel: 084-314 967
Faks : 084-322 497

MELAKA

Amanah Saham Nasional Berhad
No. 12 & 13
Kompleks Perniagaan Al-Azim
Jln KPAA 1, Bukit Baru 75150
Melaka
Tel : 06-282 7361 / 06-284 0690
Faks : 06-283 9940

Nota:* Pejabat ASNB yang hanya menyediakan transaksi Bukan Tunai.

Pihak ASNB kini dalam proses menaiktaraf sistem ASNB di mana butir peribadi pemegang unit akan disatukan bagi semua unit amanah yang telah didaftarkan. Kami memohon kerjasama tuan/puan untuk mengemaskini maklumat-maklumat dibawah bagi melancarkan inisiatif ini. ✂

BORANG KEMASKINI MAKLUMAT PEMEGANG UNIT

1. Jenis Akaun ☐ Dewasa ☐ Remaja/Bijak

2. Maklumat Pemegang Unit

Nama : _____

No. Ahli: _____ No. K/P : _____

No. Telefon: (Pejabat) _____ (Rumah) _____

(Bimbit) _____ E-mel : _____

*Nama Bank: _____ *No akaun: _____

* Tuan/Puan adalah diminta menghantar bersama salinan buku akaun simpanan atau penyata akaun semasa sebagai pengesahan akaun pemegang unit.

3. Permohonan Pertukaran

Alamat Surat-menyurat : _____

Poskod : _____ Bandar/Negeri : _____

Pekerjaan : _____

PENGESAHAN PEMEGANG UNIT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa butir-butir yang telah diberikan adalah benar. Saya membenarkan pihak ASNB mengemaskini semua butiran tersebut bagi semua unit amanah saya yang telah berdaftar dengan pihak ASNB.

Tandatangan Pemohon/Tandatangan

Penjaga Berdaftar

Tarikh

Sila hantarkan ke pejabat ASNB yang berhampiran atau ke:

JABATAN PERHUBUNGAN PELANGGAN DAN EJEN

UG, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur

Tel: 03 - 2057 3000 / 03 - 2057 3111 Faks: 03 - 2050 5220

E-mel: asnbcare@pnb.com.my

UNTUK KEGUNAAN ASNB SAHAJA

Diterima Oleh : _____ Disahkan Oleh : _____

Nama : _____ Nama : _____

Tarikh : _____ Tarikh : _____

Mukasurat ini sengaja dikosongkan

